*JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA

## 24 Julai 2018

1. Minister; Enough livestock for Aidiladha; New Straits Times
2. Laporan Penjenamaan semula NFC dibentang; Berita Harian

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA**
**BAHAGIAN PERANCANGAN**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| [ ] BERITA HARIAN | [ ] THE MALAY MAIL | [ ] BERITA HARIAN | [ ] THE MALAY MAIL |
| [ ] UTUSAN MALAYSIA | [ ] THE STAR | [ ] UTUSAN MALAYSIA | [ ] THE STAR |
| [ ] SINAR HARIAN | [ ] KOSMO | [ ] SINAR HARIAN | [ ] KOSMO |
| [ ] HARIAN METRO | [✓] NEW STRAITS TIMES | [ ] HARIAN METRO | [ ] NEW STRAIT TIME |
| [ ] THE SUN | [ ] SUNDAY STAR | [ ] THE SUN | |
| **RUANGAN : News** | **M/SURAT:** 24 | **RUANGAN :** | |

| PERKARA | | | |
|---|---|---|---|
| [ ] DASAR JABATAN | [✓] IMPORT EKSPORT | [ ] SISTEM KUALITI | [ ] PELBAGAI |
| [ ] KESIHATAN AWAM | [ ] KAWALAN PENYAKIT | [ ] PENGUATKUASAAN | |
| [ ] KEBAJIKAN HAIWAN | [ ] TEKNOLOGI VETERINAR | [ ] ADUAN | |

**TARIKH**

24 Julai 2018



*Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub (centre) visiting a booth at the Agri Tech & Engineering Innovation 2018 in Serdang yesterday.* PIC BY MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

SUPPLY

# Minister: Enough livestock for Aidiladha

**SERDANG:** The supply of livestock for the Aidiladha celebration is enough to meet demand, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub yesterday.

Salahuddin said based on Veterinary Services Department (DVS) statistics, the availability of cattle — local and imported — stood at 50,125 animals, with goats and sheep at 42,160.

He said for cows, apart from local suppliers, some were imported from Thailand and Australia.

"For goats, the animals are mostly imported from Australia and Indonesia."

However, he said, the ministry had to take into consideration the Export Supply Chain Assurance System (ESCAS) of the Australian government, which restricted imports of cattle and goats from the country from July 7 to Aidiladha day.

He said DVS had approved the licences of 53 private slaughterhouses in Peninsular Malaysia for *korban* purposes.

He said a report on the rebranding of the National Feedlot Corporation (NFC) would be ready today and he would attend a briefing.

The briefing will be held by a special committee formed by the ministry and led by its secretary-general, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan.

"I think that before the end of the year, we can at least come up with a new business model that can contribute up to 30 per cent of the local meat supply, which is our target."

NFC was an initiative by the previous government to boost the nation's beef self-sufficiency level.

However, the project was embroiled in controversy when its executive chairman, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail, was investigated and charged with misappropriating RM49.7 million from NFC.

He was acquitted in 2015.

| MEDIA CETAK | | MEDIA ELEKTRONIK | |
|---|---|---|---|
| [x] BERITA HARIAN | [ ] THE MALAY MAIL | [ ] BERITA HARIAN | [ ] THE MALAY MAIL |
| [ ] UTUSAN MALAYSIA | [ ] THE STAR | [ ] UTUSAN MALAYSIA | [ ] THE STAR |
| [ ] SINAR HARIAN | [ ] KOSMO | [ ] SINAR HARIAN | [ ] KOSMO |
| [ ] HARIAN METRO | [ ] NEW STRAITS TIMES | [ ] HARIAN METRO | [ ] NEW STRAIT TIME |
| [ ] THE SUN | [ ] SUNDAY STAR | [ ] THE SUN | |
| **RUANGAN : Isu** | **M/SURAT:** 6 | **RUANGAN :** | |

**PERKARA**

| | | | |
|---|---|---|---|
| [ ] DASAR JABATAN | [x] IMPORT EKSPORT | [ ] SISTEM KUALITI | [ ] PELBAGAI |
| [ ] KESIHATAN AWAM | [ ] KAWALAN PENYAKIT | [ ] PENGUATKUASAAN | |
| [ ] KEBAJIKAN HAIWAN | [ ] TEKNOLOGI VETERINAR | [ ] ADUAN | |

**TARIKH**

24 Julai 2018

# Laporan penjenamaan semula NFC dibentang

- Model baharu dijangka tingkat bekalan daging tempatan 30 peratus

**Oleh Fahmy Azril Rosli**
cnews@nstp.com.my

**Serdang**

[FOTO ASYRAF HAMZAH /BH]



***Salahuddin melihat hasil pertanian*** *sambil diperhatikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin (kiri) di Bangunan FAMA, Selayang, semalam.*

Laporan penjenamaan semula projek ternakan lembu, Pusat Fidlot Kebangsaan (NFC) akan dibentangkan hari ini.

Perkara itu dimaklumkan oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub pada sidang media selepas tinjauan mesra sempena Hari Inovasi Kejuruteraan dan Teknologi Pertanian (ATEI) 2018 di sini, semalam.

Katanya, beliau akan menghadiri satu taklimat khas berhubung laporan itu hari ini.

"Saya akan diberikan taklimat esok melalui jawatankuasa khas yang saya tubuhkan dan diketuai oleh Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd Salehhuddin Hassan. Laporannya (dibentangkan) esok (hari ini).

"Saya rasa sebelum akhir tahun ini kita dapat keluarkan satu model baharu yang dapat meningkatkan bekalan daging tempatan sebanyak 30 peratus. Itu hasrat kita," katanya.

NFC ditubuhkan untuk membangunkan industri daging lembu terancang, bersepadu dan mampan.

Namun kontroversi timbul apabila Pengerusi Eksekutifnya, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail disiasat dan didakwa atas dua pertuduhan pecah amanah membabitkan nilai keseluruhan RM49.7 juta.

Mahkamah kemudian melepaskan dan membebaskan Mohamad Salleh daripada semua pertuduhan jenayah pada 25 November 2015.

NFC adalah sebahagian rancangan kerajaan terdahulu untuk memastikan bekalan daging dalam program jaminan makanan negara.

Dalam perkembangan lain, kementerian memberi jaminan bekalan lembu, kerbau dan kambing untuk ibadah korban sempena Aidiladha bulan depan bukan saja mencukupi, malah melebihi daripada permintaan.

## Bekalan mencukupi

Salahuddin berkata berdasarkan statistik Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV), jumlah lembu, kerbau dan kambing mencukupi bagi menampung keperluan semasa terutama pada musim perayaan.

Beliau berkata, selepas mengambil kira data keperluan yang diperoleh dari masjid, surau, komuniti, kampung dan lain-lain tempat menunjukkan jumlah sebenar lembu yang diperlukan adalah 44,633 ekor, manakala kambing 32,130 ekor.

"Stok bekalan lembu dan kerbau tempatan sedia ada untuk disembelih ketika Aidiladha berjumlah 37,967 ekor. Bagi yang diimport berjumlah 12,158 ekor dan keseluruhannya menjadikan sebanyak 50,125 ekor.

"Bekalan kambing dan bebiri pula, jumlah keseluruhan adalah sebanyak 42,160 ekor. Ia merangkumi bekalan tempatan sebanyak 31,079 ekor dan import pula 11,081 ekor.

"Saya rasa tidak timbul isu bekalan tidak cukup. Saya harap urusan untuk jalankan ibadah korban boleh diteruskan," katanya.